

19 JUN 2003

Umno-Hishammuddin (Usul)

HENTIKAN USUL TERGEMPAR PUJUK DR MAHATHIR KEKAL : HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Ketua Pengerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein meminta pihak tertentu yang dikatakan sedang berura-ura hendak mengemukakan usul tergepar meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kekal memegang jawatan presiden parti pada Perhimpunan Agung Umno kali ini, supaya menghentikan hasrat mereka.

Katanya, tindakan itu yang dikatakan akan dibuat pada bila-bila masa dalam tempoh tiga hari persidangan yang bermula hari ini itu, adalah satu perbuatan yang tidak wajar.

"Saya harap sekiranya ada usul sebegini, lupakannya, hentikan, kerana ia tidak menghormati Dr Mahathir, tidak menghormati parti dan tidak menghormati pemimpin yang bakal mengambil alih dan mengisi jawatan presiden itu sendiri," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas "berita panas" yang menjadi perbincangan di kalangan perwakilan parti, pemerhati dan orang ramai yang menghadiri Perhimpunan Agung Umno ke-54 ini bahawa sebanyak 89 daripada 165 Bahagian Umno seluruh negara telah menandatangani usul tergepar untuk mendesak Dr Mahathir supaya tidak melepaskan jawatan nombor satu parti.

Hishammuddin berkata hasrat Dr Mahathir untuk berundur daripada jawatan parti dan kerajaan, Oktober ini selepas memimpin bagi satu tempoh yang lama wajar dihormati oleh semua pihak.

Ditanya adakah Pemuda Umno pula akan mengemukakan usul bagi menyatakan sokongan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku pengganti Dr Mahathir, Hishammuddin berkata perkara itu tidak perlu kerana pergerakan berkenaan telah menyatakan sokongan dan pendirian mereka berulang kali.

"Yang penting kita tunjukkan sokongan kita dengan tindakan dan gerakan kita. Banyak kali keadaan wujud di mana kertas usul, surat dan tandatangan menyatakan sokongan dalam politik ini tidak membawa makna pada akhirnya," katanya.

Menurutnya, malahan, semasa berucap pada perhimpunan itu pagi ini, beliau selaku mewakili seluruh pergerakan Pemuda telah menyatakan secara terbuka sokongan kepada Abdullah.

"Bagi saya selagi saya memikul tanggungjawab untuk memimpin Pemuda apa yang saya cakap itu (menyokong Abdullah) saya tidak akan berganjak daripada pendirian kita," katanya.

Mengenai kemungkinan Umno mengkaji semula etika pemilihan sedia ada bagi memastikan pertandingan tahun depan tidak menyebabkan perpecahan teruk seperti yang berlaku pada 1987, Hishammuddin berkata pada pandangannya perkara itu tidak perlu.

"Kita boleh kupas pelbagai etika tetapi kalau ahli Umno sendiri tidak boleh patuh kepada peraturan dan etika yang dibuat, ini tak akan membawa apa-apa erti dan makna.

"Akhirnya, mereka akan berdendam kesumat semasa pemilihan hingga menimbulkan percanggahan di peringkat bahagian," katanya.

Semalam, Abdullah menyuarakan kebimbangan bahawa etika pemilihan parti sekarang tidak mencukupi bagi memastikan pemilihan tahun depan terkawal serta anggota tidak berpecah-belah dan sehubungan itu etika pemilihan mungkin dikaji.

Hishammuddin berkata Umno juga menyedari ada kalangan anggota parti yang sengaja melanggar peraturan dan etika parti serta golongan ini juga sanggup dihadapkan ke jawatankuasa disiplin.

Beliau berkata langkah menghukum anggota parti sendiri tidak akan

membawa apa-apa perubahan, sebaliknya langkah yang lebih utama dan berkesan pada masa ini ialah "menyedarkan diri sendiri".

"Tetapi jika terpaksa buatlah," katanya.

Ditanya mengenai saranan Perdana Menteri supaya pemimpin lama memberikan peluang kepada golongan muda untuk menjadi pelapis kepimpinan Umno, Hishammuddin berkata beliau mengalu-alukannya bagi memastikan bakat muda kepimpinan parti tidak disia-siakan.

Beliau berkata kepimpinan di peringkat bahagian dan cawangan perlu mematuhi saranan itu kerana Pergerakan Pemuda turut menerima aduan bahawa pemimpin lama seolah-olah enggan mengiktiraf golongan muda.

"Bahagian mesti beri peluang seluas-luasnya kepada golongan muda untuk timba ilmu. Bukan sebagai ketua bahagian tetapi sekurang-kurangnya AJK bahagian. Usaha menyekat bakat-bakat baru ini hanya akan lemahkan parti," katanya.

Beliau berkata golongan muda negara ini yang berumur 40 tahun ke bawah adalah sebanyak 77 peratus dan wajar kepimpinan politik negara juga berdasarkan jumlah itu.

-- BERNAMA

RAR KHY ROS